

31/12/1999

Kelantan sedia dikenakan tol di LPT

KOTA BHARU, Khamis - Kerajaan Pas Kelantan sanggup mematuhi peraturan mengenakan tol, jika Kerajaan Pusat bersedia membina projek Lebuhraya Pantai Timur (LPT) di Kelantan.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata kerajaan negeri pada mulanya tidak mahu mengenakan tol di lebuhraya yang dibina di negeri ini bagi mengelak ia membebankan rakyat.

"Seboleh-bolehnya tak usah kena (tol). Tapi, kalau Kerajaan Persekutuan nak buat kita terpaksa terima," katanya kepada pemberita selepas mengetuai majlis angkat sumpah sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) sempena Persidangan Kali Yang Pertama Bagi Tempoh Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-10, di Kota Darulnaim di sini, hari ini.

Beliau ditanya mengenai pandangannya berhubung langkah Kerajaan Pusat untuk mengenakan tol di LPT Terengganu jika kerajaan negeri itu bersetuju dengan cadangan pembinaan lebuhraya itu diteruskan.

Sebelum ini, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata Kabinet 22 Disember lalu memutuskan pelaksanaan projek LPT itu akan diteruskan jika Kerajaan Terengganu membenarkan kutipan tol bagi bahagian lebuhraya di negeri terbabit.

Menurut Samy Vellu, Kerajaan Terengganu kini bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan lebuhraya bernilai RM2.8 bilion itu diteruskan di negeri berkenaan.

Nik Abdul Aziz berkata, kerajaan negeri tidak perlu meminta Pusat membina lebuhraya kerana ia menjadi kewajipan Kerajaan Persekutuan dan tugas kerajaan negeri hanya melaksanakan pembinaan jalan-jalan kecil.

Katanya, sebelum ini beliau pernah mengenakan syarat kepada pelabur yang ingin membina lebuhraya di negeri ini supaya tidak mengganggu jalan yang sedia ada sebagai alternatif kepada pengguna.

"Nak (kena) tol ke tak nak kena tol itu, pelabur punya pasal ... tapi jalan raya hak kecil, hak sedia ada jangan disekat bagi membolehkan rakyat memilih.

"Maknanya kita (kerajaan negeri) terima kalau Kerajaan Pusat kena tol di lebuhraya. Tak ada apa, samalah dengan Terengganu," katanya.

Bagaimanapun, beliau amat dukacita dengan kenyataan seorang menteri yang enggan disebut namanya dan sering bersungut seolah-olah Kelantan tidak mahu menarik pelabur menanam modal di negeri ini.

Katanya, sebenarnya kerajaan negeri kini secara senyap-senyap sudah sampai ke peringkat memilih pelabur tertentu kerana terlalu banyak pelabur berminat untuk datang ke Kelantan.

"Ini hasil kemasukan pelabur asing di sebelah Pantai Barat yang sudah penuh sesak menyebabkan ia melimpah ke Pantai Timur," katanya.

Ditanya mengenai wawasan kerajaan Pas Kelantan dalam meneruskan pentadbirannya setelah tiga penggal memenangi pilihan raya umum di negeri ini sejak 1990, Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berkata:

"Selain meningkatkan kualiti, kita juga mahu tingkatkan kuantiti iaitu iman kita dan asas dasar pentadbiran kerajaan negeri ialah Membangun Bersama Islam.

"Pembangunan sebenar tidak boleh disebut kecuali mesti disertakan dengan Islam atau agama. Pembangunan dari segi kuantiti atau kebendaan semata-mata akan menyaksikan bagaimana rusaknya kedudukan manusia seluruh dunia," katanya.

Beliau bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad bahawa hubungan kerjasama antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan Pas di Kelantan dan Terengganu tidak boleh dilakukan hanya dengan 'bertepuk sebelah tangan'.

"Maksud demokrasi sebenar ialah bertepuk dua belah tangan. Sebab itu demokrasi mesti ada pembangkang dan pembangkang itu dalam agama sebagai penasihat yang dijadikan Allah sebagai sistem alam," katanya.

(END)